

Unsur2 bawa kemajuan penting — Musa

KUALA LUMPUR, Khamis — Datuk Musa Hitam malam ini menegaskan, perusahaan filem di negara-negara Asean perlu menitikberatkan unsur-unsur tertentu yang boleh mempercepatkan pencapaian matlamat meningkatkan taraf hidup rakyat.

Antaranya, kata Timbalan Perdana Menteri, termasuklah seruan supaya rakyat bekerja kuat dan berusaha memahirkan mereka dengan cara-cara baru di dalam pelbagai industri sama ada perusahaan tradisional atau moden.

"Bila kita meneliti dengan serius terhadap implan yang lebih besar, indah dan harapan yang dimaksudkan untuk rakyat kita di masa depan, adalah wajar sekiranya

perusahaan filem dapat membantu mempercepatkan lagi proses menggerakkan rakyat ke arah pencapaiannya.

"Kita ingin melihat rakyat kita didedahkan kepada cita-cita peribadi yang lebih tinggi dalam kehidupan mereka. Kita ingin menyemarakkan semangat mereka supaya bekerja kuat.

"Kita mahukan supaya mereka mahir dengan cara-cara baru dalam pengeluaran barang-barang, sama ada ia adalah kraftangan tradisional atau alat-alat elektrik moden.

"Ini adalah sebahagian dari sumbangan positif yang dihasilkan oleh filem-filem yang diimport. Bagaimanakah caranya perusahaan filem di negara-negara Asean dapat menyesuaikan diri dengan keadaan ini?" Beliau berucap merasmikan Pesta Filem Asean ke-13 di sini malam ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Malaysia juga menghadapi masalah yang sama dengan lain-lain negara Asean dalam usaha meningkatkan mutu filem tempatan bagi membolehkannya bersaing dengan filem-filem asing.

Sumbangan

"Sejarah menunjukkan bahawa pengeluaran filem, di peringkat antarabangsa, tidak hanya dikuasai oleh negara-negara maju tetapi juga oleh kumpulan-kumpulan yang berupaya menubuhkan rangkaian pengedaran yang berkesan di rantau ini.

"Dalam hubungan ini, cabaran yang dihadapi oleh industri tempatan kita adalah amat besar," katanya.

Di Malaysia, jelas Datuk Musa, walaupun kita telah mengenakan beberapa langkah untuk menggalakkan pertumbuhan yang dihasratkan, namun perimbangan antara filem import dan kesukaran untuk menembusi pasaran asing mendapat perhatian utama.

Ini, katanya, menyebabkan setengah-setengah pihak tertentu bertindak mengadakan sekatan terhadap import, sama ada melalui undang-undang atau langkah-langkah pentadbiran.